

05/08/2003

Jadikan EAEG realiti: PM (HL)

Kadir Dikoh; Norliza Abdullah; Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Malaysia meminta pemimpin negara Asia Timur menyuarakan sokongan terbuka bagi memastikan cadangan pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), yang sebelum ini ditentang Amerika Syarikat, menjadi realiti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka harus keluar daripada berselindung di sebalik forum kemuncak Asean + 3 (China, Jepun dan Korea Selatan) dan secara terbuka mengaku keperluan untuk mewujudkan EAEG.

Perdana Menteri berkata, sokongan terbuka itu akan menjadi asas kukuh bagi penubuhan EAEG kerana inti pati usaha itu sudah pun wujud dalam bentuk dialog Asean + 3.

"Kita memanggilnya Asean + 3 bagi mengelak kemarahan negara lain. Tetapi, kini kita perlu menyatakan dengan terbuka bahawa kita mahu menubuhkan EAEG, mudah saja," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Asia Timur di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada forum Asean + 3 yang akan datang, dinamakan sebagai EAEG iaitu gagasan yang diilhamkannya 12 tahun lalu.

Lebih 1,500 peserta mewakili 13 negara Asia Timur hadir pada kongres tiga hari itu, persidangan pertama seumpamanya diadakan di negara ini, dianjurkan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli).

Antara penceramahnya ialah bekas Naib Menteri Kewangan Jepun, Prof Dr Eisuke Sakakibara atau lebih dikenali sebagai 'Mr Yen'; Penasihat Khas Kabinet Jepun, Prof Kuroda Haruhiko; bekas Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan, Prof Han Seung-Soo dan Pengarah Urusan Bank Pembangunan Singapura, Dr Fong Cheng Hong.

Dr Mahathir berkata, sebuah institusi boleh dibentuk dan rundingan seterusnya patut berkaitan dengan penubuhan EAEG di samping cuba mempelajari antara satu sama lain untuk menangani sebarang masalah yang timbul.

"Sepanjang pengetahuan Malaysia, kami sudah pun menerima idea itu sejak 10 tahun lalu. Kami pastinya sangat gembira jika kita berhenti bersembunyi di belakang Asean + 3 dan memanggil diri kita sendiri sebagai perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG)," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, setelah lebih 10 tahun beliau membangkitkan idea untuk membentuk EAEG, isu itu kini dianggap sebagai tidak lagi luar biasa, malah dianggap logik.

Hari ini mereka yang bercakap mengenai perkumpulan sedemikian tidak lagi dianggap gila, bodoh, meracau atau yang berbahaya.

Bagaimanapun, beliau berkata perkumpulan itu perlu mencari kreativiti untuk mendapatkan rumusan terbaik, wajar dan berani melakukan apa saja keperluan dalam merealisasikan usahanya.

Dr Mahathir menegaskan, sudah tiba masanya blok negara Asia Timur membebaskan diri daripada cengkaman seperti 'lembu dicucuk hidung' dan harus bertindak sebagai satu suara yang lebih kuat terutama dari segi ekonomi.

Katanya, Asia Timur perlu mengukuhkan kedudukannya demi masa depan masyarakat rantau ini dan tidak lagi ditentukan di tempat lain.

"Lebih penting lagi, negara Asia Timur perlu bersedia untuk bertindak. Kita perlu komited secara tegas untuk bertahan dalam menghadapi halangan dan pada masa yang sama, kita perlu praktikal dan bersabar.

"Saya percaya, kita, rantau Asia Timur, yang sepatutnya membina kerjasama keamanan dan kesejahteraan masyarakat Asia Timur ini. Kita bukan

lembu yang perlu dicucuk hidung. Kita bukan kanak-kanak yang perlu dipimpin.

"Ini adalah perjalanan kita, yang kita harus lalui sendiri dengan dua kaki kita. Kita perlu berjalan bersama-sama, bertindak bersama dan maju bersama. Kita tidak harus berselindung di sebalik tembok ekonomi Asia Timur dan bersembunyi di belakang tembok besar," katanya.